



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

24 JUN 2019 (ISNIN)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

24 JUN 2019 (ISNIN)

Peniaga pasar borong ikut arahan

Menteri membuat lawatan mengejut awal pagi di pasar borong

NURULATIQ AHMAD BANDI

KUALA LUMPUR

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail melakukan pemantauan mengejut di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan di sini sekitar jam 4 pagi semalam.

Dalam lawatan itu, Saifuddin bersama pegawai penguatkuasaan kementerian meneliti pergerakan harga barang selepas tamat tempoh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), menilai kepatuhan terhadap undang-undang serta mendapat maklum balas daripada peniaga dan pengguna.

"Alhamdulillah, hasil pemantauan mendapati harga barang keperluan masih lebih kurang sama dengan harga semasa tempoh pelaksanaan SHMMP. Bekalan juga mencukupi dan kualiti barang jualan juga tinggi.

"Saya ingin mengingatkan para peniaga supaya tidak menaikkan harga sewenang-wenang-



Saifuddin (dua dari kanan) ketika melakukan pemantauan mengejut di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan awal pagi semalam.

nya walaupun tempoh SHMMP telah berakhir. Peniaga juga harus patuh terhadap undang-undang pengguna seperti meletakkan tanda harga dan memastikan timbang sukat tepat," katanya yang memuat naik status dalam akaun Facebook miliknya semalam.

Saifuddin berkata, beliau bersama pegawai penguat kuasa kementerian akan meneruskan pemantauan secara kerap bagi menangani sebarang pencatutan dan menjaga kebijakan pengguna.

"Bagi pengguna pula, saya minta supaya laporkan kepada KPDNHEP-Laman Rasmi sekiranya mendapati sebarang kenaikan harga secara mendadak atau ketidakpatuhan terhadap undang-undang pengguna."

"Antara saluran yang boleh digunakan adalah saluran aplikasi WhatsApp kementerian iaitu 019-2794317," ujarnya.

Menurutnya lagi, diharapkan kerjasama semua pihak, kos sara hidup di Malaysia akan terus kekal berpatutan.

Kuala Lumpur

Menteri pantau mengejut di Pasar Borong Selangor

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail melakukan pemantauan mengejut di Pasar Borong Selangor, awal pagi semalam bagi menilai pergerakan harga barang selepas tamat tempoh Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan (SHMMP).

Saifuddin dalam catatan di laman Facebook rasmi beliau berkata, pemantauan itu juga bagi menilai kepatuhan terhadap undang-undang pengguna selain mendapatkan maklum balas daripada peniaga dan pengguna.

"Pada pukul 4 pagi hari ini (semalam) saya melawat Pasar Borong Selangor bersama pegawai Nforceteam KPDNHEP.

"Alhamdulillah, hasil pemantauan mendapat harga barang keperluan masih lebih kurang sama dengan harga semasa tempoh pelaksanaan SHMMP. Bekalan juga mencukupi dan kualiti barang jualan tinggi," katanya.

Dalam pada itu, katanya pemantauan akan diteruskan secara kerap bagi menangani sebarang penebatuan dan menjaga kebijakan pengguna.

"Para peniaga diingatkan supaya tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya walaupun tempoh SHMMP berakhir," katanya. - Bernama



HARI : ISNIN
TARIKH : 24/6/2019
M/SURAT : 24A

Putrajaya

Siasat amalan monopoli simen di Sarawak

Kementerian Kewangan mahu satu siasatan dilakukan bagi menentukan sama ada berlakunya amalan monopoli di Sarawak susulan kenaikan harga simen di negeri itu berbanding Semenanjung.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, simen adalah bahan binaan asas dan sebarang kenaikan harga simen yang ketara akan disalurkan semula ke dalam ekonomi sekali gus menjelaskan kuasa beli pengguna.

"Kerajaan mendapati harga simen di Sarawak adalah secara ketara lebih tinggi berbanding di Semenanjung.

"Satu penyiasatan diperlukan bagi menentukan sama ada ia akibat amalan monopoli industri tempatan di Sarawak," katanya, semalam.

Rabu lalu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Salfuddin Nasution Ismail berkata, penggiat industri pengilangan simen di negara ini bersetuju untuk mengekalkan harga barang kawalan itu selepas kementeriannya mengadakan pertemuan dengan penggiat industri simen.



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

24 JUN 2019 (ISNIN)

'SUPP'S FUNDS FROM 1MDB UNACCEPTABLE'

KUCHING: Sarawak Pakatan Harapan (PH) chairman Chong Chieng Jen said yesterday it is "utterly unacceptable" that the Sarawak United People's Party (SUPP) allegedly received funds from 1Malaysia Development Berhad (1MDB). "SUPP has made a statement that they will allow the law to take its course and give full cooperation. That only shows that they know it is wrong," he said at the DAP headquarters. Chong is also Sarawak DAP chairman and the federal deputy minister of domestic trade and consumer affairs. Last Friday, the Malaysian Anti-Corruption Commission filed civil forfeiture lawsuits against 41 individuals and entities to recover RM270 million of 1MDB funds. The SUPP was named as one of the recipients of the funds and that it had received RM188,138. Chong said the exposure is a shame to Sarawak and to the Chinese they represent. - Bernama

MINYAK MENTAH

▼20 SEN

23 Jun 2019

Harga minyak menyusut daripada keuntungan yang dicatat sebelum ini pada Jumaat, namun penanda aras minyak mentah Brent kekal bersedia untuk merekodkan kenaikan mingguan pertamanya dalam tempoh lima minggu di tengah-tengah peningkatan ketegangan di Timur Tengah dan dengan harapan penurunan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) yang dapat merangsang pertumbuhan global.

Sementara itu, minyak mentah Brent menurun sebanyak 20 sen atau 0.31 peratus pada AS\$64.25 satutong pada 0630 GMT.

Penanda aras minyak mentah global itu melonjak 4.3 peratus pada Khamis, menjadikannya bersedia untuk mencatat kenaikan mingguan hampir empat peratus.

Pada minggu ini, minyak mentah AS, West Texas Intermediate (WTI) menurun sebanyak 16 sen atau 0.28 peratus kepada AS\$56.90 satutong.

Bagaimanapun, penanda aras AS melonjak 5.4 peratus pada Khamis dan berada di landasan untuk peningkatan lebih daripada lapan peratus minggu lalu.

"Situasi naik turun harga minyak baru-baru ini mencerminkan keadaan yang tidak stabil dalam pasaran minyak (memandangkan) ketegangan geopolitik yang semakin meningkat ... dan kebimbangan mengenai perlambatan permintaan minyak akibat konflik perdagangan," kata Naib Presiden IHS Markit, Victor Shum, di Singapura.

Presiden AS, Donald Trump, pada awalnya memainkan isu Iran menembak jatuh dron tentera AS awal minggu ini.

Tetapi laporan pada Jumaat mengatakan Trump meluluskan serangan ke atas Iran sebelum menariknya balik, yang mana menimbulkan kebimbangan mengenai gangguan bekalan minyak yang penting selepas serangan kapal tangki minggu lalu.

REUTERS

SAWIT **▼RM6**
23 Jun 2019

Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatives dijangka diniagakan antara RM1,920 dan RM2,020 satu tan minggu ini ketika ketidaktentuan ekonomi global.

Peniaga Kanan Interband Group of Companies, Jim Teh, berkata bagaimanapun pasaran akan disokong oleh jangkaan terhadap inventori yang rendah pada masa depan.

Bagi asas Jumaat ke Jumaat, Julai 2019 merosot RM6 kepada RM1,998 satu tan manakala Ogos 2019 meningkat RM3 kepada RM2,011 satu tan, September 2019 naik RM7 kepada RM2,022 satu tan dan Oktober 2019 menambah RM1 kepada RM2,040 satu.

Jumlah dagangan mingguan meningkat kepada 227,668 lot daripada 219,641 lot minggu lalu, manakala kepentingan terbuka berkurangan kepada 248,844 kontrak berbanding 258,863 kontrak sebelum ini.

Di pasaran fizikal, Julai Selatan berada pada RM2,020 satu tan.

BERNAMA